



## NOTIS SEKATAN EKSPORT BAGI BEBERAPA SPESIS IKAN TERPILIH DARI 1 DISEMBER 2016 SEHINGGA 28 FEBRUARI 2017

1. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan melaksanakan arahan sekatan bagi pengeksporan beberapa spesis ikan terpilih ke luar Negara.
2. Kaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, "Lembaga boleh menentukan kualiti, kuantiti dan jenis ikan yang hendak dieksport atau diimport".
3. Jika didapati mana-mana pengeksporan ikan yang mengeksport ikan yang tidak dibenarkan dalam tempoh tersebut, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Kaedah-kaedah Pemasaran Ikan 2010 dan boleh dikenakan di bawah Seksyen 17(1) dan 17(2), Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 iaitu:-  
Seksyen 17(1) – Dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit (RM15,000) atau kedua-duanya.  
Seksyen 17(2) – Didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit (RM25,000)
4. Arahan ini berkuatkuasa seperti berikut:-

### Spesis Ikan Terpilih

TARIKH		SPESIS
1 Disember 2016 Sehingga 28 Februari 2017	Musim Tengkujuh	i) Ikan Kembong ii) Ikan Selar iii) Ikan Selayang iv) Ikan Pelaling
	Perayaan Tahun Baru Cina	v) Udang Putih vi) Bawal Putih

Spesis ikan basah/ segar terpilih adalah tidak dibenarkan di eksport dalam tempoh sekatan, tetapi ikan dalam bentuk sejuk beku (frozen) adalah dibenarkan untuk di eksport.

KETUA PENGARAH

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA